

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI I : 2024 / 2025**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 30303
STATISTIK**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEPULUH (10)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A

[40 markah]

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. _____ digunakan untuk menghuraikan perhubungan, CLO1
perkaitan atau perbezaan antara suatu pembolehubah dengan pembolehubah T1
yang lain.

- A Sampel
- B Populasi
- C Statistik inferensi
- D Statistik deskriptif

2. CLO1
T1
- Data yang tidak boleh diukur dengan tepat
 - Ketepatannya bergantung kepada alat pengukur

Apakah istilah statistik yang tepat untuk menjelaskan kenyataan di atas?

- A Data primer
- B Data sekunder
- C Data kuantitatif diskrit
- D Data kuantitatif selanjur

3. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** kelebihan soal selidik? CLO1
T1

- A Meliputi kawasan yang luas.
- B Peratus responden menjawab lebih banyak.
- C Mengelakkan pengaruh penemuduga soalan.
- D Responden boleh menggunakan masa yang sesuai.

4. Kaedah temuduga/temubual digunakan untuk mendapatkan maklumat CLO1 terperinci daripada responden kajian. Antara berikut manakah kelebihan utama T1 kaedah temuduga/temubual dalam pengumpulan data?
- A Data diperoleh dalam jumlah yang besar.
 - B Tiada interaksi antara penyelidik dan responden.
 - C Penyelidik memperoleh penjelasan yang mendalam.
 - D Responden boleh menggunakan masa yang sesuai.
5. Apakah yang dimaksudkan dengan julat dalam statistik? CLO1
T2
- A Jumlah cerapan dalam set data.
 - B Bilangan responden yang dikaji.
 - C Bilangan kelas dalam satu taburan data.
 - D Perbezaan antara nilai terkecil dan nilai terbesar dalam set data.
6. Had bawah merujuk kepada _____. CLO1
T2
- A titik tengah kelas
 - B nilai tertinggi dalam kelas
 - C nilai terendah dalam kelas
 - D perbezaan antara nilai minimum dan nilai maksimum
7. Antara berikut, yang manakah merupakan ciri utama histogram? CLO1
T2
- A Bar-bar mewakili sempadan kelas dan kekerapan data berterusan.
 - B Bar-bar yang mempunyai ruang dan mewakili kategori data nominal.
 - C Bar-bar yang mempunyai ruang dan mewakili data antara satu sama lain.
 - D Garis yang mewakili data dalam setiap kelas yang dihubungkan antara satu sama lain.

8.

Memaparkan kekerapan setiap kelas dalam bentuk mudah dengan menyambungkan titik tengah dengan satu garis lurus

CLO1T2

Penyataan di atas merujuk kepada _____.

- A ogif
- B poligon
- C carta pai
- D histogram

9. Apakah yang dimaksudkan dengan min dalam ukuran kecenderungan memusat?

CLO1T3

- A Nilai yang kerap berulang dalam set data.
- B Perbezaan nilai minimum dan nilai maksimum.
- C Jumlah keseluruhan data dibahagikan dengan bilangan data.
- D Nilai tengah apabila data disusun secara menaik atau menurun.

10. Apakah kegunaan utama ukuran kecenderungan memusat dalam statistik?

CLO1T3

- A Menganalisis varians dan sisihan piawai.
- B Menentukan bentuk distribusi data sepenuhnya.
- C Mengira julat antara nilai minimum dan maksimum.
- D Menggambarkan nilai pusat atau tipikal bagi satu set data.

11.

5, 6, 7, 8, 9, 10, 12

CLO1T3

Berdasarkan set data di atas, apakah kedudukan median?

- A 4
- B 5
- C 7
- D 8

12.

CLO1T3

Umur (tahun)	10 - 19	20 - 29	30 - 39	40 - 49
Kekerapan	12	17	9	12

Jadual 1

Jadual 1 menunjukkan taburan umur 50 orang penduduk Taman Suria. Kekerapan 17 dalam kelas kedua merujuk kepada _____.

- A mod
- B min
- C julat
- D median

13. Apakah varians dalam statistik?

CLO1T4

- A Nilai tengah dalam data.
- B Bilangan kelas dalam taburan.
- C Purata kuasa dua sisihan daripada min.
- D Perbezaan antara nilai tertinggi dan terendah.

14. Sisihan piawai dalam statistik mengukur_____.

CLO1T4

- A nilai paling kerap muncul
- B penyebaran nilai sekitar min
- C bilangan kelas dalam taburan
- D jumlah nilai tertinggi dan terendah

15. Apakah simbol bagi sisihan piawai dalam ukuran penyebaran?

CLO1T4

- A Σ
- B S^2
- C S
- D X

16. Jika nilai varians dalam set data adalah tinggi, kenalpasti kesan terhadap penyebaran data. CLO1
T4
- A Data sangat tumpu di sekitar min.
 - B Data seragam dalam semua nilai.
 - C Data mempunyai penyebaran yang luas.
 - D Data mempunyai penyebaran yang kecil.
17. Mengapakah sisihan piawai lebih sering digunakan berbanding julat untuk menganalisis penyebaran data? CLO1
T4
- A Sisihan piawai lebih mudah untuk dikira.
 - B Julat lebih sensitif terhadap perubahan nilai.
 - C Julat memberikan maklumat yang lebih tepat.
 - D Sisihan piawai tidak dipengaruhi oleh nilai ekstrem.
18. Antara berikut, manakah merupakan ukuran sisihan? CLO1
T4
- A Varians
 - B Median
 - C Had bawah
 - D Sempadan atas
19. Bagaimana koefisien variasi membantu dalam membandingkan dua set data dengan unit yang berbeza? CLO1
T4
- A Dengan melihat nilai mutlak setiap set data.
 - B Dengan membandingkan jumlah keseluruhan data.
 - C Dengan membandingkan nilai minimum kedua-dua data.
 - D Dengan membandingkan penyebaran relatif terhadap min kedua-dua set data.

20. Apabila koefisien variasi set data A lebih tinggi daripada set data B, apakah yang dapat disimpulkan?

CLO1T4

- A** Set data A lebih tumpu di sekitar min.
- B** Set data B mempunyai nilai median lebih tinggi.
- C** Set data B mempunyai jumlah pemerhatian lebih banyak.
- D** Set data A mempunyai penyebaran relatif yang lebih besar.

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Nyatakan **DUA (2)** jenis pembolehubah statistik beserta **SATU (1)** contoh. CLO1
[4 markah] T1
- b) Terangkan **DUA (2)** kaedah pengumpulan data statistik yang biasa digunakan CLO1
serta **SATU(1)** kebaikan bagi setiap kaedah yang dinyatakan. [6 markah] T1
- c) i. Jelaskan definisi histogram, poligon dan ogif dalam menggambarkan data statistik. CLO1
[6 markah] T2
- ii. Jelaskan **DUA (2)** kepentingan jadual taburan kekerapan dalam menganalisis data statistik? CLO1
[4 markah] T2

Soalan 2

- a) Nyatakan **TIGA (3)** jenis ukuran kecenderungan memusat beserta formula (data terkumpul). [6 markah] CLO1
T3

- b) i. Susun langkah-langkah mengira median bagi data tak terkumpul berikut : CLO1
T3

I	Menentukan nilai median
II	Menyusun data cerapan secara menaik
III	Menentukan kedudukan median

[3 markah]

- ii. Jelaskan definisi min dan formula (data tak terkumpul) dalam ukuran kecenderungan memusat. [4 markah] CLO1
T4

- iii. **REZEKI RASA RESSTU**

Tentukan mod berdasarkan data di atas.

[3 markah]

- c) Nyatakan **EMPAT (4)** contoh ukuran penyebaran dalam statistik.

[4 markah]

Soalan 3

- a) Takrifkan sisihan piawai beserta formula. [4 markah] CLO1
T4

- b) Terangkan **DUA (2)** kaedah yang biasa digunakan dalam ukuran penyebaran beserta **SATU (1)** contoh bagi setiap kaedah. [6 markah] CLO1
T4

- c) i. Terangkan maksud julat dalam ukuran penyebaran beserta formula untuk data tidak terkumpul. [4 markah] CLO1

T4

- ii. Berikut merupakan nilai koefisien variasi bagi pelaburan Ella dan Elly.

CLO1T4

Pelabur	Koefisien Variasi / Pekali Ubahan
Ella	3.16%
Elly	30.84%

Jadual 2

Berdasarkan nilai koefisien variasi / pekali ubahan tersebut, produk mana lebih konsisten? Jelaskan alasan anda. [6 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab